

## PENTADBIRAN RESIDEN INGGERIS DI BRUNEI 1906-1959

Dasar pendidikan dan kesannya terhadap perkembangan pendidikan di Brunei sehingga 1953.

Pentadbiran Residen Inggeris di Brunei di perkenalkan bersama termetrainya perjanjian Inggeris - Brunei 1905/1906. Perjanjian ini telah membawa satu lagi peristiwa sejarah bagi Brunei yang banyak membawa peristiwa pahit manisnya hubungan kedua-dua negara ini. Salah satu daripada peristiwa yang merwarnai sejarah perhubungan ini ialah dasar dan tujuan pelajaran yang di terapkan oleh pentadbiran Residen Inggeris yang telah memberi kesan terhadap kemajuan pendidikan di negara ini.

Pendidikan adalah asas kepada kemajuan pembangunan sesebuah negara tidak hanya pada masa kini tetapi juga telah di kenal pasti sejak manusia mengenali tamdun. Tanpa adanya pendidikan tamadun - tamadun besar di dunia tidak akan wujud. Brunei juga tidak terkecuali telah mengenali satu sistem pendidikan yang telah wujud sejak awal lagi. Kita lihat bagaimana pendidikan dalam masyarakat tradisi kita, seperti juga dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain pendidikan tradisi sebelum Islam lebih bertumpu pada pendidikan agama dan adat yang berpusat untuk dan dari golongan tertentu saja, misalnya untuk golongan elit pemerintah dan juga golongan elit agama. Ini sudah tentu nya mengambil tempat di institusi -institusi yang terletak di istana-istana dan juga di rumah-rumah

ibadat,yang telah menerima pengaruh agama dari India. Pendidikan tradisi ini tidak tersibar pada golongan rakyat dan biasanya juga terhad pada golongan lelaki saja. Pendidikan ini juga boleh lah kita katakan sebagai pendidikan tidak langsung (informal). Bagi rakyat biasa pendidikan yang di terima adalah dalam bentuk dari keluarga kepada keluarga,biasanya berasaskan kepada kepentingan ekonomi dan status dalam keluarga itu sendiri,misalnya seorang nelayan akan mengajar anaknya atau keluarga terdekatnya bagaimana kehidupan nelayan dan begitu juga dengan seorang yang ekonominya bergantung pada pertukangan akan menurunkan kemahirannya pada jenerasi seterusnya. Semantara adat istiadat dalam masyarakat nya akan di turunkan oleh biasanya ketua masyarakat.

Kedatangan agama Islam yang kemudiannya menjadi agama resmi negara pada penghujung abad ke-14 membawa bersama pendidikan yang bercorak Islam. Dalam Islam ada ungkapan-ungkapan yang menunjukkan betapa Islam melihat pendidikan itu amat penting dalam kehidupan umatnya,misalnya tuntutan ilmu sejak dari buaian sehingga ke liang lahat ini berarti masa menuntut ilmu itu tidak terhad,begitu jua misalnya dengan hadis nabi Muhammad SAW yang berbunyi tuntutan ilmu sehingga ke negeri China,ini menunjukkan menuntut ilmu itu di mana-mana saja walaupun di tempat yang jauh. Bersama dengan berkembang nya agama Islam,tulisan jawi juga turut berkembang dan telah dijadikan sebagai tulisan ilmu dan telah di sesuaikan dengan kehendak masyarakat Asia Tenggara.

Sebenarnya pendidikan Islam juga masih bersifat tidak resmi (Informal). Walau bagaimana pun pendidikan dalam Islam adalah pendidikan untuk semua lapisan masyarakat tidak hanya untuk satu-satu kelompok masyarakat saja. Pendidikan Islam tidak hanya lagi berpusat di Istana-istana atau di kediaman golongan elit saja tetapi kini ia juga bertempat di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, pondok-pondok pengajian agama Islam tidak terkecuali juga di rumah-rumah guru-guru agama. Kampong air adalah merupakan pusat pelajaran agama ini

.Pendidikan Islam ini sudah tentunya menjadikan pelajaran al Quran sebagai asas pelajarannya dengan tumpuan utamanya pelajaran mengaji atau tafsir juga pelajaran-pelajaran asas ibadat, ilmu fiqah dan lain-lain pelajaran kebanyakan institusi pengajian ini bersifat persendirian. Walau bagaimanapun pelajaran ini masih tidak mempunyai kurikulum yang khusus juga tidak terikat pada jadual waktu dan masa yang tertentu. Pelajaran di berikan secara percuma. Tenaga pengajar hanya menerima ehsan dan pemberian sukarela daripada pelajar-pelajarnya. Pelajar-pelajarannya masih di dominasi oleh kaum lelaki.

Sistem pendidikan Islam ini masih berfungsi sehingga pada tahun-tahun 1950an khususnya di kampong air dan juga di kawasan lain di mana mempunyai penduduk yang agak ramai. Walau bagaimana pun keadaan ini telah berubah apabila mata pelajaran dan juga sekolah agama secara tetap telah diadakan.

Sistem pentadbiran Residen Inggeris di perkenalkan bersama termeterainya perjanjian Inggeris-Brunei pada tahun 1905/1906. Walau bagaimana pun sistem pendidikan baru atau kita sering kaitkan sebagai sistem pelajaran sekular hanya diperkenalkan pada tahun 1914 yang di dahului dengan surat arahan untuk penubuhannya pada tahun 1912..Dalam kertas kerja saya ini saya hanya akan menyentuh perkembangannya sehingga pada tahun 1953 ia itu bilamana Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara Yang Pertama (1953-1958) di lancarkan. Saya melihat ia perlu di lihat dalam satu period yang lain di mana terlibatnya sejumlah besar kewangan untuk kemajuan dan pembangunan fizikal pelajaran di negara ini yang tidak terdapat pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebelum kita melihat dasar pelajaran di Brunei di bawah pentadbiran Residen Inggeris ada baiknya kita lihat dasar yang di gunapakai oleh Inggeris di tanah-tanah jajahannya di Malaya,Singapura dan juga di Borneo Utara Inggeris(Sabah). Secara umumnya di tanah-tanah jajahan tersebut sistem pelajarannya adalah bergantung kepada kumpulan etnik seperti Melayu,Cina dan India yang berasaskan kepada adat dan tradisi etnik-etnik tersebut dasar ini kemudiannya telah menwujudkan sekolah Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasapengantarnya,begitu juga dengan etnik Cina menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantarnya dan etnik India dengan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantarnya. Semantara sekolah Inggeris dengan bahasa pengantar Inggerisnya. Sekolah-sekolah hanya di dirikan di pusat-

pusat bandar khususnya di bandar-bandar pelabuhan di mana penduduknya ramai. Terutama nya di Negeri-Negeri Selat. Misalnya Penang Free School telah di dirikan pada tahun 1816, Singapore Free School di dirikan pada tahun 1826 dan dua buah sekolah Melayu di dirikan di Singapura pada tahun 1856. Di Sarawak sekolah mula di bangunkan pada tahun 1885 di ikuti oleh pembangunan sekolah Cina dan sekolah-sekolah misi (mission school ) yang tujuan utamanya untuk mengembangkan ajaran keristian.

Apakah tujuan Inggeris memperkenalkan persekolahan Melayu di Brunei pada tahun 1912 tersebut ?. Saperti mana yang di laporkan di dalam Annual Report 1911... *The British administration's aim in introducing this type of school was merely to remove illiteracy among the local population with concentration on the roman alphabet...* '*...it is most difficult to find anyone who can read and write amongst Brunei Malays so this led to the employment of foreign...*'. Tujuan sekolah Melayu ini di buka adalah untuk mengisi jawatan rendah dalam perkhidmatan Residen Inggeris! Di samping itu juga Gullick ada menyebut sebagai '*...the young peasent literate so that his mind would be opened only to technical informotion on farming matters and to moral instruction designed to inculcate such missing virtus as punctuality and diligence in his work...*' Tujuan inilah yang membawa kepada pembangunan sekolah Melayu pada tahun 1914 di Bandar Brunei dengan keramaian penuntut kurang dari 40 orang . untuk menselarikan tujuan sekolah di bangunkan, kurikulum di sekolah hanyalah mengajar

menulis dan membaca, membuat kira-kira mudah, asas geografi ( ilmu alam), ditambah kemudiannya dengan pelajaran kesihatan, latihan jasmani (senaman) dan kerja tangan (mengayam bakul dari rotan) dan juga berkebun. Keadaan inilah yang berterusan sehingga lah ke awal tahun-tahun 50an malah tidak banyak yang berubah dan berkembang.

Perkembangan sekolah adalah perlahan sama ada kemasukan murid-murid sekolah atau perkembangan fizikal sekolah dan juga tenaga pengajar sekolah. Ibubapa Brunei pada masa tersebut lebih suka anak-anak mereka berada di rumah untuk membantu mereka dengan kerja-kerja rumah atau membantu bapa-bapa mereka untuk membuat kerja-kerja bagi menyara keluarga. Mereka tidak mempunyai pengalaman apa itu sekolah dan apa faedah sekolah bagi anak-anak dan masa depan mereka. Di samping itu juga timbulnya persangka terhadap persekolah tersebut yang bersangkutan dengan agama. Bagi pentadbiran Residen Inggeris pula masalah kewangan untuk di gunakan dalam pembangunan fizikal sekolah perlu di cari kerana pendapatan Negara Brunei hanya bergantung pada sumber pertanian dan cukai sebelum minyak memberi hasil kepada negara ini mulai pada tahun 1929. Masalah tenaga pengajar juga merupakan halangan yang perlu di atasi kerana perlu di bawa dari luar. Untuk mengatasi masalah kehadiran murid-murid ke sekolah satu peraturan kehadiran sekolah telah di istiharkan (School Attendance Enactment no.3 1929). Yang juga mengambil contoh dari peraturan yang di kuat kuasa kan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu khususnya di Selangor pada tahun

1891. Walau pun denda yang di terapkan dalam peraturan ini tidak pernah di jalankan tetapi ia telah memberi kesan yan baik kepada kedatangan murid-murid ke sekolah. Misalnya angka kehadiran sekolah pada tahun 1914 kurang dari 40 orang telah meningkat kepada 897 orang pada tahun 1933 iaitu selepas peraturan itu di perkenalkan. Perkembangan peningkatan kehadiran murid-murid ke sekolah tidak selari dengan perkembangan fizikal sekolah. Misalnya pada tahun 1914-15 hanya ada sebuah sekolah Melayu saja bagi seluruh Brunei,pada tahun 1926 ada lima buah sekolah Melayu di seluruh negara dan menjelang Peperangan Dunia ke-2 (1941) hanya ada 23 buah sekolah Melayu saja. Kekurangan tenaga pengajar juga menjadi beban sehingga beberapa buah sekolah telah di tutup walaupun mempunyai ramai murid-murid. Pentadbiran Residen Inggeris hanya menghantar guru-guru pelateh ke Maktab Perguruan Sultan Idris ,Tanjung Malim ,Perak bermula pada tahun 1932. Sejak itu beberapa orang guru-guru pelateh telah di hantar juga ke-Melaka dan Sarawak,tidak ada rancangan untuk mendirikan maktab latehan perguruan di Brunei. Sehingga tahun 1954 hanya terdapat 66 orang guru tempatan terlatah yang bertugas di negara ini.

Kekurangan-kekurangan ini sebenarnya adalah di sebabkan oleh tidak ada nya satu dasar pelajaran yang jelas yang dapat dan patut di ikuti oleh pentadbiran Residen Inggeris. Saperti mana yang tercatat di dalam laporan Jabatan Pendidikan Brunei in UNESCO vol 1 1958 ‘...there was no evidence of clear educational policies pursued by the British

authorities...’keadaan yang sama juga di alami oleh negara-negara jajahan Inggeris yang lain. Walau pun di Brunei telah di lantik seorang Pegawai Pelajaran pada tahun 1949 ,untuk menangani perkembangan pendidikan yang sebelumnya di bawah kawalan terus Residen Inggeris tetapi perkembangan pendidikan maseh berjalan perlahan. Dasar tidak ada dasar ini juga jelas kita lihat pada peruntukan kewangan bagi pelajaran adalah terlalu kecil misalnya menurut Annual Report dari tahun 1923-1938 peruntukan kewangan untuk pelajaran hanya di sekitar 1%-2% dari perbelanjaan negara. Peruntukan yang kecil ini sudah tentu tidak akan dapat membawa kemajuan kepada pendidikan di negara ini. Peruntukan ini kemudian nya meningkat sedikit selepas penghasilan minyak telah mengubah pendapatan negara ini.

Walaupun bagaimanapun pentadbiran Residen Inggeris juga telah memperkenalkan pelajaran bagi murid-murid perempuan yang bermula pada tahun 1930 di Bandar Brunei walaupun pada peringkat ini sekolah ini kemudiannya ditutup kerana kurang sambutan,tetapi telah di buka semula pada tahun 1932. Begitu juga dengan pendidikan Inggeris yang keperluannya mulai meningkat dan jelas terutamanya di bawah pentadbiran Residen Inggeris sendiri yang menghadapi masalah mencari anak-anak tempatan yang mempunyai pendidikan Inggeris dan juga keperluan yang semakin mendesak dari keperluan Syarikat Minyak Shell di Seria. Sebelum nya tidak ada pendidikan Inggeris di Brunei kecuali yang di dirikan oleh misi keristian untuk memenuhi keperluan perkerja-perkerja Syarikat Minyak Shell dan

juga demi tujuan agama. Sekolah tersebut telah di dirikan di pekan Belait pada tahun 1931. Pelajar-pelajar Brunei yang ingin mendapat pendidikan Inggeris di hantar ke Labuan atau ke Negeri-negeri Selat dan juga ke Singapura. Sekolah Inggeris pertama hanya di dirikan di Bandar Brunei pada tahun 1951. Perkembangan pendidikan yang perlahan ini sudah jelas adalah di sebabkan tidak ada nya satu dasar yang jelas yang menjadi garis pandu kepada perkembangan pendidikan yang perlu di terapkan dan perlu di ikuti. Pengalaman yang sama juga di alami oleh negara-negara lain yang pernah bernaung di bawah pentadbiran Inggeris.

Namun begitu kita juga perlu melihat dari sisi lain di bangunkan sekolah melayu dan kemudian nya sekolah Inggeris di Brunei. Pendidikan ini telah mengenalkan kita kepada pendidikan secara resmi dan langsung (formal) yang belum kita kenali sebelum ini. Sebuah persekolahan yang teratur dengan masa yang di tentukan, dengan pengajaran dan pengajar yang tetap juga pelajaran yang di tetapkan. Satu percubaan oleh Pentadbiran Residen Inggeris untuk memeperkenalkan satu bentuk pelajaran moden, tidak hanya murid di kenalkan dengan satu sistem pelajaran yang baru tetapi juga ibu bapa di perkenalkan kepentingan pelajaran bagi masa depan anak-anak mereka melalui beberapa peraturan pelajaran. satu hal yang juga begitu penting ialah pelajaran yang di bawa ini terbuka kepada siapa saja, dari golongan mana tidak lagi terhad pada satu- satu kelompok saja malah ia nya juga di bangunkan tidak hanya di bandar-bandar tetapi juga di luar-luar bandar. Pentadbiran Inggeris melihat tanpa penglibatan

semua masyarakat dalam pelajaran ,adalah sukar bagi membawa pembangunan kepada Brunei.Dari satu sisi yang lain sistem pendidikan yang meujudkan adanya sekolah Melayu dan sekolah Inggeris yang berasingan telah membahagikan masyarakat kepada yang berpendidikan Inggeris dan yang berpendidikan Melayu di mana yang berpendidikan Melayu kurang mendapat peluang-peluang perkerajaan dan kemudahan - kemudahan yang lain.kita juga melihat berkurangan nya pendidikan agama kerana pendidikan agama hanya di perkenalkan sebagai satu mata pelajaran saja sehingga lah kemudian pada tahun-tahun 1950an bila sekolah-sekolah agama penuh di dirikan dan ini telah mengembalikan kepentingan pelajaran agama yang di abaikan dalam beberapa dekad,begitu juga dengan kepentingan tulisan jawi yang tidak mendapat tempat saperti tulisan rumi. Di atas semua,sekali lagi kita katakan akibat dari ketiadaan dasar yang dapat di jadikan panduan menyebabkan kita ketinggalan pembangunan secara mental dan fizikal dari negara-negara jiran kita.

Sebagai kesimpulannya,secara adil kita lihat memang perkembangan pendidikan kita adalah perlahan terutama nya sepuluh tahun pertama dari di perkenalkan nya pendidikan formal namun begitu ia lebih baik jika di bandingkan dengan sebelumnya. Perlahan nya perkembangan ini kerana kurangnya usaha yang serius oleh pentadbiran Residen Inggeris dan juga oleh masyarakat tempatan .Bagi Pentadbiran Residen Inggeris masalah yang utama yang mereka hadapi ialah masalah kewangan,tanpa sumber

wang pembangunan adalah mustahil dapat di jalakan. Ini terutamanya sebelum minyak memberikan hasil yang lumayan kepada Brunei. Taburan penduduk Brunei yang bertaburan tidak bertumpu pada satu satu tempat di mana sebuah kampung hanya di huni oleh beberapa orang keluarga saja menyebabkan kesukaran untuk mendirikan sekolah, begitu juga dengan masalah perhubungan di mana terdapat murid-murid sekolah terpaksa berjalan jauh untuk sampai ke sekolah tujuan. Dalam menerapkan pentadbiran sekolah juga pihak Pentadbiran Residen Inggeris agak perlahan misalnya saja pegawai pelajaran yang telah di luluskan perlantikan nya pada tahun 1928 hanya bertugas mulai pada tahun 1949. Namun secara positif nya kita lihat pengenalan persekolahan di negara ini sebelum Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara 1953-1958 di laksanakan sebagai satu langkah awal dan penting untuk menuju kemajuan di masa akan datang walau pun tidak lari dari kelemahan-kelemahan nya.

Senarai Rujukan.

Barley, T.M. (1981) "Brunei: ASEAN'S Reluctant Independent State," Insight, Hong kong.

Bellwood, P. (1978) "The Sultan of Brunei" Hemisphere. 22(11) November.

\_\_\_\_\_ and Metussin Omar (1980) "Trade Patterns and Political Development in Brunei and Adjacent Areas A.d.700-1500" Brunei Museum Journal, 4.4 155-79.

Bradell, R. (1949) "A Note on Sambas and Borneo" Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. 22, 4:1-12.

Brown, D.E. (1970) Brunei: The Structure and History of A Borneon Malay Sultanate. Star Press, Brunei.

Chai Hon Chan (1964) The Development of British Malaya 1896-1909 Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Cleary, Mark and Peter Eaton (1992) Borneo: Change and Development. Oxford University Press, Singapore.

\_\_\_\_\_ and B. Shaw (1992) "The Lost Province of Oil Rich Brunei Darussalam" Geography, April: 9-12.

Cown, C.D. (1961) Nineteenth-Century Malaya: The origin of British Political control. SOAS, University of London, London Oriental Series Vol. 11. Oxford University Press.

Crisswell, C. (1972) "The Establishment of A Residency in Brunei 1895-1906"

Asian Studies, Vol 10 (1) April.

\_\_\_\_\_ (1972) "Some Historical Aspects of Local and Sovereign Right in 19<sup>th</sup> Century Brunei" Journal of Oriental Studies, Vol 10 (1).

Gullick, J. and G. Bruce (1986) Malaysia, Its Political and economic Development.

Pelanduk Publication, Kuala Lumpur.

Jamil Al Sufri (1990) Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam.

Jabatan Pusat Sejarah Brunei.

\_\_\_\_\_ (1992) Liku-liku Perjuangan pencapaian kemerdekaan Negara

Brunei Darussalam, Jabatan Pusat Sejarah Brunei.

Brunei Annual Report 1912-1953.

-